



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

PROGRAM

**DIALOG AMAN, RESPONSIF DAN EMPATI SOSIAL:
DARES @ KOMUNITI PERINGKAT KEBANGSAAN
TAHUN 2026**

1 OGOS 2026 (SABTU)

9.00 PAGI

**THE LIGHT HOTEL, SEBERANG JAYA,
PULAU PINANG**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

**Salutasi terkini akan disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) serta semua pihak yang telah memberikan komitmen dalam menjayakan **Program Dialog Aman, Responsif dan Empati Sosial (DARES@Komuniti) Peringkat Kebangsaan Tahun 2026**.
2. Program DARES@Komuniti merupakan satu inisiatif Kementerian Perpaduan Negara melalui JPNIN yang menyediakan ruang dialog secara inklusif bagi memperkukuh kesepaduan sosial, meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap isu-isu perpaduan serta membudayakan penyelesaian konflik secara aman.
3. Tema program pada tahun ini iaitu **"Teguh Bersama: Mengakar Jati Diri, Mengukuh Negara Bangsa"** amat bertepatan dengan keperluan negara pada hari ini.

KEPENTINGAN DIALOG ANTARA KOMUNITI

Hadirin yang dikasihi sekalian,

4. **Malaysia dibina atas kekuatan kepelbagaian.** Kepelbagaian agama, kaum, budaya dan bahasa bukanlah satu kelemahan, sebaliknya merupakan aset terbesar negara. Namun, kepelbagaian hanya akan menjadi kekuatan sekiranya kita sentiasa memilih dialog berbanding perpecahan, persefahaman berbanding prejudis, dan hormat berbanding kebencian.
5. Hari ini, cabaran kepada keharmonian bukan lagi hanya berlaku di jalanan atau dalam komuniti fizikal. Cabaran terbesar kini berada di hujung jari kita. Telefon pintar telah menjadi ruang baharu yang mampu menyatukan manusia, tetapi pada masa yang sama juga boleh menjadi medium penyebaran fitnah, kebencian, provokasi agama dan perkauman serta propaganda yang mengancam perpaduan negara.
6. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sendiri mengingatkan bahawa ***misinformation, disinformation*** dan ***hate speech*** merupakan ancaman global terhadap keamanan dan kestabilan masyarakat. ***"Where dialogue is missing, ignorance fills the void."***

7. Di Malaysia, kita mengenali fenomena ini sebagai defisit sosial, khususnya defisit media sosial, iaitu keadaan apabila platform digital digunakan untuk menyebarkan naratif yang memecah-belahkan masyarakat, membentuk "**echo chamber**", menyemarakkan sentimen perkauman dan agama serta menormalisasikan penghinaan terhadap kelompok lain. Dalam dunia digital hari ini, satu berita palsu boleh tersebar kepada jutaan orang dalam beberapa minit, sedangkan usaha membetulkan persepsi mungkin mengambil masa berhari-hari atau berminggu-minggu.
8. Sebab itulah dialog menjadi semakin penting. Dialog bukan sekadar sesi berbincang atau bertukar pandangan. Dialog ialah proses membina kepercayaan. **Dialog membuka ruang untuk kita mendengar sebelum menghukum, memahami sebelum menilai, dan mencari titik persamaan tanpa perlu menghapuskan perbezaan.**
9. Begitu juga ahli falsafah Jerman, Jürgen Habermas, yang memperkenalkan **konsep communicative action**, iaitu penyelesaian kepada konflik dicapai melalui dialog yang rasional, saling menghormati dan berasaskan hujah, bukannya melalui paksaan atau propaganda.

10. Dalam era kecerdasan buatan (AI), algoritma media sosial dan ledakan maklumat, kita memerlukan lebih ramai ejen perpaduan digital yang memilih fakta berbanding fitnah, memilih empati berbanding emosi, dan memilih dialog berbanding provokasi.

PERKHIDMATAN MEDIASI KOMUNITI

Hadirin yang dikasihi sekalian,

11. **Dalam sebuah masyarakat yang majmuk, perbezaan pendapat dan konflik tidak dapat dielakkan.** Yang membezakan sesebuah negara bukanlah sama ada konflik itu wujud atau tidak, tetapi bagaimana kita menguruskan konflik tersebut.
12. Atas prinsip itulah, Kementerian Perpaduan Negara memperkukuh **Inisiatif Mediasi Komuniti sebagai satu mekanisme penyelesaian pertikaian secara aman, cepat dan berhemah tanpa perlu membawa setiap pertikaian ke mahkamah.** Pendekatan ini bukan sahaja menjimatkan masa dan kos, malah lebih penting, ia dapat memulihkan hubungan antara individu, keluarga dan komuniti.
13. Hari ini, **kementerian telah mewujudkan 10 Pusat Mediasi Komuniti** yang beroperasi di seluruh negara dengan

menyediakan perkhidmatan mediasi secara pro bono kepada rakyat. Bagi memastikan akses yang lebih meluas, **kementerian turut mengenal pasti 12 lokasi baharu untuk diperluaskan** secara berperingkat melalui kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan.

14. Kejayaan inisiatif ini disokong oleh **595 orang Mediator Komuniti** bertaualiah yang telah dilatih secara profesional dalam pengurusan konflik, pengurusan emosi, teknik rundingan dan pengendalian krisis. Mereka menjadi barisan hadapan dalam membantu masyarakat mencari penyelesaian secara damai dan mencapai situasi menang-menang.
15. **Sejak tahun 2017 hingga 2025, seramai 1,273 kes telah berjaya diselesaikan melalui mediasi komuniti.** Kejayaan ini membuktikan bahawa dialog dan persefahaman mampu menjadi penyelesaian yang lebih berkesan berbanding konfrontasi.
16. Antara isu utama yang sering berjaya diselesaikan melalui mediasi ialah **pertikaian kejiwaan, sensitiviti agama, konflik kekeluargaan, harta milik bersama, isu tanah, alam sekitar, perjanjian atau kontrak, serta isu kepenggunaan.** Isu-isu seperti gangguan bunyi, parkir, pembakaran terbuka, sempadan

tanah dan salah faham antara komuniti sering dapat diselesaikan melalui pendekatan dialog yang dipandu oleh mediator terlatih.

17. Lebih membanggakan, model Mediasi Komuniti Malaysia kini mula mendapat perhatian di peringkat antarabangsa. Pendekatan yang menggabungkan pengantaraan komuniti, perpaduan sosial dan penyelesaian konflik secara damai ini telah dikongsikan dalam pelbagai forum serantau dan **menjadi antara amalan terbaik yang dirujuk oleh negara-negara ASEAN dalam usaha memperkukuh keamanan masyarakat pelbagai kaum dan agama.**
18. Saya juga ingin memberikan penekanan khusus kepada golongan belia. Mereka bukan sahaja pengguna teknologi, malah pencipta kandungan, pembentuk pemikiran dan pencorak budaya masyarakat.
19. Oleh itu, belia perlu dilengkapi dengan nilai tanggungjawab sosial, pemikiran kritikal, semangat patriotisme serta kesedaran bahawa setiap tindakan dan perkongsian mereka di ruang digital mampu memberi kesan kepada perpaduan negara. Melalui DARES@Komuniti, pelbagai pengisian seperti Lensa Digital, Digital Pulse dan Lensa Belia diharap dapat melahirkan lebih ramai belia yang menjadi ejen perpaduan serta pemimpin masyarakat yang bertanggungjawab.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati,

20. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada JPNIN, Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta semua rakan strategik yang telah berganding bahu menjayakan Program DARES@Komuniti Peringkat Kebangsaan Tahun 2026.

21. Marilah kita bersama-sama mempertahankan Malaysia sebagai sebuah negara yang bukan sekadar meraikan kepelbagaian, tetapi benar-benar hidup dalam semangat saling memahami, saling menghormati dan saling mempercayai.

Dengan sukacitanya, saya **merasmikan Program Dialog Aman, Responsif dan Empati Sosial (DARES@Komuniti) Peringkat Kebangsaan Tahun 2026.**

Sekian, terima kasih.